

lokal 5/7/2023

Atasi isu ruang sempit dalam khemah di Mina

Jemaah haji boleh ditempatkan di Mina Dua dan Aziziyah selepas berbincang dengan kerajaan Arab Saudi bagi tingkat keselesaan

Oleh Syuhada Choo
Abdullah
choo@bh.com.my

Makliah

Isu ruang sempit dalam khemah jemaah yang bermabit di Mina boleh ditangani dengan mempelbagaikan pilihan yang masih memenuhi hukum wajib haji.

Bekas Ahli Jawatankuasa Penasihat Ibadah Haji (Lembaga Tabung Haji/TH - Jabatan Kemajuan Islam Malaysia/Jakim), Datuk Dr Juanda Jaya berkata, antara cadangan ialah jemaah ditempatkan di kawasan Mina-Muzdalifah atau dikenali sebagai Mina Dua.

"Menerusi pilihan ini, jemaah haji boleh berulang alik antara Mina dengan Mina Dua bagi memastikan keselesaan mereka.

"Hukumnya adalah harus kerana yang penting, jemaah mesti berada di bumi Mina selepas waktu separuh malam walaupun hanya sesaat. Ibadah mabit dikira sebagai sah dan jemaah boleh keluar semula dari Mina selepas itu. Malah, melintas saja pun sudah sah ibadah mabit di Mina.

"Khemah juga boleh diwujudkan di kawasan Muzdalifah yang lebih luas. Bagaimanapun, perkara ini memerlukan persetujuan daripada pihak Kerajaan Arab Saudi sebagai tuan rumah," katanya ketika dihubungi.

Sebagai rekod, Juanda adalah Ahli Jawatankuasa Penasihat Ibadah Haji (TH-JAKIM) da-

ri 2000 hingga 2009, selain berpengalaman sebagai guru agama serta Pakar Rujuk Ibadah Haji TH di Tanah Suci (1997 - 2009) dan juga Pengerusi panel penulis buku Panduan Ibadah Haji terbitan TH untuk jemaah haji Malaysia.

Media sebelum ini melaporkan isu ruang sempit dalam khemah di Mina mendapat perhatian Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang menzahirkan keprihatinan baginda terhadap kebajikan jemaah Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar dipetik berkata, beliau menerima teks pesanan secara peribadi daripada Seri Paduka yang mahu perkara itu diteliti dan ditangani.

Justeru, Mohd Na'im berkata, beliau sudah berbincang dengan pihak penguurusan tertinggi TH supaya Jawatankuasa Penasihat Ibadah Haji (TH-Jakim) memikirkan ijhtihad baharu dalam usaha mengatasi isu berkenaan, terutama dari aspek bermabit di Mina.

Beliau berkata, langkah itu perlu kerana sekiranya masih berpegang kepada ijhtihad lama, masalah kesesakan dalam khemah di Mina yang berlaku saban tahun lebih-lebih lagi dengan peningkatan jumlah jemaah haji, akan berterusan berikutan keluasan kawasan terbabit tidak berubah dan ditetapkan oleh hukum.

Mengulas lanjut, Juanda yang juga bekas Mufti Perlis berkata, satu lagi alternatif yang boleh diterokai dalam menangani isu sama ialah menempatkan sebahagian jemaah Malaysia di Aziziyah.

"Bagi pilihan ini, penginapan kumpulan jemaah yang lewat memasuki Makkah berkemungkinan boleh ditempatkan di Aziziyah yang lebih selesa. Walaupun jauh daripada Masjidil Haram, mereka akan lebih selesa untuk ke Mina, Muzdalifah serta Arafah ketika operasi masyair.

"Namun, perbincangan dengan pihak berkuasa

Arab Saudi amat penting bagi memastikan ada penyelarasan dan keselesaan jemaah berkenaan tidak terganggu dengan perjalanan serta kesulitan penginapan yang lain," katanya.

Beliau berkata, pelbagai alternatif itu boleh diambil bagi memastikan keselamatan dan keselesaan jemaah haji Malaysia pada masa depan.

"Sekiranya ada keputusan yang diambil nanti, TH perlu menerangkannya dengan baik kepada jemaah. Insya-Allah dengan cara ini, pertambahan jemaah haji tidak akan menjadi isu kerana opsyen tempat khemah dan penempatan mereka sudah dipelbagaikan," katanya.

Juanda menjelaskan bahawa isu kesesakan dalam khemah di Mina sudah wujud sekian lama, lebih-lebih lagi dengan peningkatan jemaah haji dari seluruh dunia berikutan semakin ramai yang berkemampuan mengerjakan ibadah itu.

"Soal kepadatan khemah di Mina bukan hanya menimpa jemaah Malaysia, sebaliknya ia berlaku pada jemaah haji seluruh dunia. Mina adalah tempat ujian kepada jemaah haji. Kawasanya sempit dan jemaah memang akan berasa tidak selesa.

"Jika mengikut hukum, jemaah yang uzur diberikan kelonggaran untuk tidak bermabit di Mina. Namun yang lebih penting ialah memastikan sesiapa yang ingin menunaikan haji itu memenuhi syarat kemampuan dari segi kesihatan, termasuk untuk melakukan ibadah telah ditentukan selama berada di Tanah Suci," katanya



“
Khemah juga
boleh diwujudkan
di kawasan
Muzdalifah
Dr Juanda